

Mesej Tujuh

Dia yang Terbentuk dalam Percayawan

Bacaan Bible: Gal. 1:15-16; 2:20; 3:29; 4:5, 19; Ef. 3:17a; 2 Kor. 3:18; Roma 8:29; 12:2a

I. Wasiat Baru mewahikan bahawa Kristus berkaitan secara mendalam dengan diri dalaman kita dan Dia berhasrat untuk mempunyai hubungan yang subjektif dengan kita—Gal. 1:15-16; 2:20:

- A. Tuhan mewahikan Anak-Nya kepada Paulus dan kepada kita—1:15-16:
 - 1. Perkataan *mewahikan* dalam Galatia 1:16 adalah mustahak dan amat penting.
 - 2. Mewahikan bererti menjadikan sesuatu diketahui (mendedahkan) atau menunjukkan dengan jelas (memaparkan) sesuatu yang telah dirahsiakan.
 - 3. Dalam Wasiat Baru *mewahikan* digunakan dengan cara yang mendalam berkaitan dengan roh kita—Roma 1:17; 8:18; 1 Kor. 2:10; 1 Ptr. 1:5; 5:1.
 - 4. Tuhan mewahikan Anak-Nya kepada kita dalam kita; ini bukan sesuatu yang luaran tetapi dalaman, bukan melalui visi luaran tetapi melalui penglihatan dalaman.
 - 5. Hasrat hati Tuhan ialah mewahikan Anak-Nya dalam kita supaya kita dapat mengenali-Nya, menerima-Nya sebagai hayat kita (Yoh. 17:3; 3:16), dan menjadi para anak Tuhan (1:12; Gal. 4:5-6).
- B. Dalam Galatia 2:20 kita melihat kebenaran yang paling asas berkenaan ekonomi Tuhan—bukan lagi aku tetapi Kristus yang hidup dalamku:
 - 1. Apabila Kristus disalibkan menurut ekonomi Tuhan, kita termasuk dalam-Nya; ini suatu hakikat yang telah disempurnakan—Roma 6:6; Gal. 2:20; 6:14.
 - 2. Kita telah mati terhadap hukum dan hidup terhadap Tuhan menerusi penyatuan organik dengan Kristus—Yoh. 15:4-5; 1 Kor. 6:17; Roma 12:4-5; 1 Tes. 1:1.
 - 3. “Aku” dalam Galatia 2:20 bukan sahaja merujuk kepada Paulus tetapi kepada setiap daripada kita, dan kesaksian Paulus juga merupakan kesaksian kita:
 - a. “Aku telah disalibkan bersama dengan Kristus”—ay. 20a.
 - b. “Bukan lagi aku yang hidup, tetapi Kristus yang hidup dalamku”—ay. 20b.
 - c. “Hayat yang kini aku hidup dalam tubuh, aku hidup dalam iktikad, iaitu iktikad Anak Tuhan”—ay. 20c.
 - d. “Anak Tuhan yang mengasihi aku dan menyerahkan diri-Nya untukku”—ay. 20d.
 - e. “Apa yang pisahkan kita? / Kau cinta ku s’lamanya! / Nan abadi kita esa, / Kasih-Mu tiada tara; / Kasih ini buat ku syukur, / Jadi tujuan pujian ku! / Kau jadi ku, ku jadi Mu: / ‘Nilah tujuan kasih-Mu!”—*Kidung*, #130, rangkap 4.

II. Kristus telah disalibkan (Gal. 3:1) untuk menebus kita daripada laknat hukum (ay. 13) dan menyelamatkan kita daripada arus dunia keagamaan yang jahat (1:4), dan Dia telah dibangkitkan daripada yang mati supaya Dia dapat hidup dalam kita (2:20) serta terbentuk dalam kita pada masa kematangan kita (4:19).

III. Dalam Galatia 4:19 Kristus dibentangkan sebagai Dia yang terbentuk dalam percayawan:

- A. Kristus, persona yang hidup, ialah fokus injil Paulus—1:16; Roma 1:1, 3-4.
- B. Pemberitaan Paulus adalah untuk menghasilkan Kristus, Anak kepada Tuhan yang hidup, dalam percayawan—Gal. 1:15-16; 2:20; 4:19.
- C. Kini Kristus hidup dalam kita, dan Dia akan terbentuk dalam kita—ay. 19.
- D. Paulus menderitai sakit bersalin agar Kristus dapat terbentuk dalam percayawan demi keanakan penuh mereka—ay. 5, 19.

Mesej Tujuh (sambungan)

- IV. Menurut penggunaan Paulus dalam Wasiat Baru, perkataan *bentuk* atau *rupa* merujuk kepada ekspresi di luar bagi diri dalaman (Flp. 2:6); apanya kita diekspresikan dalam rupa kita, iaitu ekspresi di luar bagi diri dalaman kita.**
- V. membenarkan Kristus terbentuk dalam kita bererti Kristus bertumbuh sepenuhnya dalam kita—Gal. 4:19; Ef. 4:13-16:**
- A. Pertama, Kristus dilahirkan ke dalam kita pada masa kita bertaubat dan percaya ke dalam-Nya, kemudian Dia hidup dalam kita dalam kehidupan Kristian kita (Gal. 2:20), dan akhirnya Dia akan terbentuk dalam kita pada masa kematangan kita.
 - B. Mempunyai Kristus terbentuk dalam kita bererti membenarkan Dia meresapi seluruh diri kita dan menepui bahagian dalaman kita—4:19; Ef. 3:17a; Kol. 3:4, 10-11:
 1. Apabila Kristus menduduki diri dalaman kita dengan cara ini, Dia terbentuk dalam kita—Mzm. 51:6.
 2. Kita perlu membenarkan Kristus menepui setiap bahagian diri dalaman kita; Dia harus menduduki kita dan menepui minda, emosi, dan tekad kita—Flp. 2:5; Ef. 3:17a.
 3. Kristus memiliki seluruh diri kita bermakna Dia terbentuk dalam kita—Gal. 4:19.
 - C. Bagi Kristus berumah dalam hati kita, Dia perlu menetap dalam kita, dan ini menuntut kita membenarkan Kristus berumah dalam semua bahagian diri dalaman kita; inilah ertinya Kristus terbentuk dalam kita—Ef. 3:17a.
 - D. Mempunyai Kristus terbentuk dalam kita bermakna membenarkan Roh almuhit menduduki setiap bahagian diri dalaman kita—Gal. 4:19; 3:2-3, 14:
 1. Kristus tidak harus hanya tersebar ke dalam minda, emosi, dan tekad kita; Dia harus sebenar-benarnya menjadi minda, emosi, dan tekad kita—Flp. 2:5; 1 Kor. 2:16.
 2. Segala hal di luar Kristus harus berkurang, dan Kristus harus menjadi segala-gala kepada kita dalam pengalaman kita; inilah maksud Kristus terbentuk dalam kita.
 - E. Kristus terbentuk dalam kita bermakna Kristus berbaur dengan seluruh diri kita—6:17.
 1. Kristus harus berbaur dengan kita dalam setiap bahagian diri kita—Ef. 4:23.
 2. Kristus harus meresapi kita dan menepui kita sehingga Dia berbaur dengan kita sepenuhnya; dengan itu, Dia akan terbentuk dalam kita—3:17a; Gal. 4:19.
 - F. Kata-kata Paulus berkenaan Kristus terbentuk dalam percayawan mengimplikasikan bahawa kita sedang dikonstitusikan dengan Kristus—Kol. 1:27; 3:4, 10-11:
 1. Kristus sedang hidup dalam kita, terbentuk dalam kita, dan menjadi konstitusi kita; kini Kristus hidup dalam kita supaya kita dapat dikonstitusikan dengan-Nya secara organik—Gal. 2:20; Kol. 3:4, 10-11.
 2. Akhirnya, seluruh diri kita akan dikonstitusikan dengan elemen Kristus kerana Dia akan mengkonstitusikan setiap bahagian sukma kita supaya kita mempunyai rupa-Nya, imej-Nya, dalam setiap bahagian diri kita—2 Kor. 3:18; Roma 8:29.
 - G. Perkataan *terbentuk* dalam Galatia 4:19 berpadanan dengan perkataan *imej* dalam 2 Korintus 3:18:

Mesej Tujuh (sambungan)

1. Kristus berserta elemen-Nya bekerja dalam kita secara organik agar kita mempunyai bentuk-Nya dan mengekspresikan imej-Nya—Roma 8:29.
 2. Kristus terbentuk dalam kita bergantung pada kita ditransform menjadi imej-Nya—2 Kor. 3:18.
 3. Kita ditransform menjadi imej-Nya dan Dia terbentuk dalam kita menyebabkan kita dikonform kepada imej-Nya; kita dikonform kepada imej-Nya ialah hasil daripada Dia terbentuk dalam kita—Gal. 4:19; Roma 8:29.
- H. Mempunyai Kristus terbentuk dalam kita bermaksud membenarkan tiga bahagian sukma kita—minda, emosi, dan tekad kita—diperbarui—12:2a; Ef. 4:23:
1. Untuk minda, emosi, dan tekad kita diperbarui, Kristus harus menepui minda, emosi, dan tekad kita, serta menggantikan diri dan dunia dalam sukma kita dengan diri-Nya—Roma 12:2a.
 2. Jika kita diperbarui dengan cara ini, setiap bahagian diri dalaman kita akan mempunyai imej Kristus—2 Kor. 3:18; Roma 8:29.
- VI. Kristus perlu terbentuk dalam kita agar kita menjadi anak yang cukup umur dan menjadi waris untuk mewarisi berkat yang dijanjikan Tuhan, dan menjadi matang dalam keanakan divin—Gal. 3:14, 26, 29; 4:5-6:**
- A. Galatia 3:26 berkata, “Kamu semua ialah anak Tuhan menerusi kepercayaan kepada Kristus Yesus”; ungkapan *anak Tuhan* merujuk kepada anak yang cukup umur.
 - B. Di bawah wasiat lama, umat pilihan Tuhan dianggap sebagai bayi; sekarang di bawah wasiat baru, mereka dianggap sebagai anak yang cukup umur, yang akan mewarisi berkat yang dijanjikan—Roh almuhit Kristus.
 - C. Kristus harus matang dalam kita agar kita menjadi waris untuk menikmati Tuhan Tritunggal sebagai warisan kita dengan sepenuhnya; Roh Kudus ialah jaminan bagi warisan kita—Ef. 1:13b-14; 1 Ptr. 1:4.
 - D. Kita perlu berdoa agar Tuan membawa kita ke dalam pengalaman dan kenikmatan terhadap Kristus; Dia telah dilahirkan dalam kita, kini hidup dalam kita, dan akan terbentuk dalam kita pada masa kematangan kita, supaya kita dapat menjadi anak yang cukup umur dan waris bagi berkat yang dijanjikan Tuhan, dan supaya kita dapat matang dalam keanakan divin—Gal. 3:29; 4:6, 19.